



PENUNTUT UPM menyertai aktiviti 'Fitness Challenge'.



ANAK yatim bergambar kenangan bersama penuntut UPM dalam Program Seikhlas Budi.

Serba lengkap

PCC 2014 tarik minat golongan muda serta pelbagai aktiviti

Oleh Siraj Mohd Zaini

siraj@mediaprima.com.my

Serdang

Enganjuran Putra Canselor Carnival (PCC) 2014 yang berakhir semalam memberi impak dan pengalaman berharga dalam kalangan masyarakat setempat khususnya penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM).

Karnival tiga hari di Kolej Canselor Padang C UPM itu yang menyediakan program berunsur keusahawanan, selain pelbagai aktiviti rohani dan jasmani mendapat sambutan hangat daripada penuntut dan orang ramai.

Penuntut UPM, Nur Atikah Salehhodin, 19, berkata PCC 2014 sarat dengan aktiviti serba lengkap dan sewajarnya ia perlu di teruskan pada tahun depan.

Menurutnya, program seperti Malam Cinta Allah dan Rasul pada malam Sabtu lalu paling mencuri tumpuan kerana bilangan pengunjung mencapai ribuan orang.

"Pada saya, PCC 2014 berjaya kerana lengkap dengan pelbagai aktiviti menarik seperti Tour De UPM, Malam Cinta Allah dan Rasul, dan

untuk orang muda ada Battle Of The Band.

"Untuk yang meminati bidang keusahawanan, PCC 2014 medium terbaik untuk meningkatkan kemahiran komunikasi untuk menarik pengunjung membeli barang yang dijual di gerai masing-masing," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Sementara itu, Haimanul Iman Vnvar Rahman, 19, berpendapat karnival seumpama itu perlu diperbesarkan lagi pada tahun depan dengan menambah lebih banyak gerai serta program menarik.

Katanya, penganjuran PCC 2014 boleh dianggap berjaya kerana aktiviti seperti 'Fitness Challenge', futsal, sepak takraw mampu menarik golongan muda terbabit sama, namun beberapa program untuk kelompok pelbagai peringkat usia masih perlu dipelbagai.

PCC 2014 dirasmikan Jumaat lalu oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof



HAIMANUL Iman

Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran bertempat di Kafe teria Kolej Canselor UPM.

Pengarah Jawatankuasa Eksekutif dan Pelaksana PCC Muhammad Syafiq Farhan Boo Omar Boo, 21, berharap penganjuran karnival itu memberi kesan positif kepada penuntut UPM supaya mempunyai kemahiran tinggi dari segi komunikasi dan kepemimpinan.

"Antara aktiviti diharap memberi manfaat adalah Program Seikhlas Budi di mana 20 anak yatim diaidik adik angkat supaya penuntut belajar menjadi pemimpin," katanya.



PENUNTUT UPM turut menderma darah.